

Mahathir terima surat Ghafar

Ⓟ Mn.M 3 1 OCT 1993

KOTA BHARU 30 Okt. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan telah menerima surat perletakan jawatan Ghafar Baba sebagai Timbalan Presiden UMNO, berkuatkuasa Isnin ini.

"Ghafar baru sahaja hantar surat kepada saya menjelaskan punca-punca perletakan jawatannya. Saya tidak ada apa-apa nak komen," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Mini Konvensyen UMNO Nege-ri Kelantan di Perdana Resort, dekat sini.

Kata Dr. Mahathir, dengan keputusan itu, Ghafar tidak akan merasmikan persidangan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO pada 3 November.

Ketika ditanya mengenai keputusan Ghafar un-

tuk tidak hadir ke Perhimpunan Agung UMNO sehari selepas Mesyuarat Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita parti itu, Dr. Mahathir berkata, itu adalah keputusan Ghafar sendiri.

"Kita jemput juga dan kita hendaklah kalau dia boleh hadir."

Perletakan

Pegawai Khas Ghafar, Abdul Rahman Yunus menyerahkan surat perletakan jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO, (jawatan kelima yang dilepaskan oleh Ghafar) kepada Dr. Mahathir melalui Ketua Setiausaha Sulit beliau, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

Sebelum ini Ghafar telah melepaskan jawatan Ketua Perhubungan UMNO Sabah, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Luar Ban-

dar dan Setiausaha Agung Barisan Nasional.

Ditanya mengenai pilihanraya umum, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak dapat mengumumkan tarikh pilihanraya umum kerana masih terlalu awal.

"Barangkali pilihanraya akan diadakan di Kelantan dan Sabah. Saya tidaklah boleh beritahu lagi bilakah tarikh pilihanraya umum," katanya.

Dr. Mahathir juga menasihatkan ahli-ahli parti supaya jangan bermusuhan sesama sendiri kerana ia boleh mengakibatkan parti kalah dalam pilihanraya.

"Kita kadangkala ghairah mengejar jawatan dalam parti tanpa melihat tujuan utama untuk menang dalam pilihanraya bagi membentuk kerajaan," katanya.